



# BINA

ISSN: 1985 - 4595

OKT - DIS  
2015

BIL. NO: 04 / 2015



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob  
[Ketua Setiausaha KKR]

## PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Sarani Bin Dollah  
[Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan) KKR]

## KETUA PENGARANG

Pn. Noreha Mohd Ripin  
[Ketua Komunikasi Korporat]

## PENGARANG

En. Mohd Rizal Hashim  
En. Fauzi Baharudin  
Pn. Aisah Ghazali

## JURUFOTO

En. Rosdin Sabni  
Cik Hidayatul Sa'adiah Binti Saad  
[Jurufoto Unit Komunikasi Korporat  
dan Unit Perpustakaan & Sumber  
Jabatan Kerja Raya]

## REKABENTUK / PENCETAK

LEGASI PRESS SDN BHD  
Tel: +603 6272 2022

## URUSETIA

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

## SUMBANGAN ARTIKEL

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan Artikel boleh dialamat kepada:

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Kerja Raya  
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya  
Jalan Sultan Salahuddin, 50580  
Kuala Lumpur

-  +603-8000 8000
-  +603-2711 1101
-  pro@kkr.gov.my
-  www.kkr.gov.my
-  Kementerian Kerja Raya
-  @MOWorks

## MENARIK DIDALAM

- 3** Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015
- 17** Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat KKR 2015
- 4** Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015
- 17** Eksplorasi 'Bahasa Budaya Bangsa' KKR 2015
- 6** Malam Pengiktirafan Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT) Sempena Simposium Kontraktor Dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015
- 18** Hari Sukan Negara Peringkat KKR 2015
- 7** Tinjauan Kejadian Banjir Lumpur di KM52.4 Lebuhraya KL-Karak
- 19** Hari Integriti Kementerian Kerja Raya
- 8** RM330 Juta Untuk Naiktaraf Jalan FT23 Tangkak - Segamat (Pakej 1B dan 2)
- 19** Petugas BGB dan Penerima PPC KKR 2015 Dirai
- 10** CIDB Raikan Ulang Tahun ke-20
- 20** Keratan Akhbar / Twitter
- 9** Menteri Kerja Raya Menilai Tahap Keselamatan LPT2
- 11** Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB) Peringkat Akhir Tahun 2015
- 12** Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2015
- 13** Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya 2015
- 14** Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia Melahir Tenaga Mahir
- 15** Merai Pemaju dan Kontraktor Berkualiti Melalui Anugerah Qlassic
- 15** Lawatan KSU ke Tapak Konsep MLFF
- 16** Konvensyen Antarabangsa Ukur Bahan (QSIC) 2015
- 16** Persidangan CIRAIK ke-4 dan Pelancaran Garis Panduan Pembinaan di Atas Tanah Gambut di Malaysia



## ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI 2015

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2015 – Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia melalui peningkatan bidang kemahiran, Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2015 telah diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada tenaga mahir negara.

Penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 ialah Mohammad Tarmizi bin Abu Hassan, pelatih

daripada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Pulau Pinang yang bertanding dalam bidang Information Network Cabling. Anugerah telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ini dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

MATEPM 2015 merupakan anugerah tertinggi bidang kemahiran negara untuk dua kategori pertandingan kemahiran iaitu Worldskills Malaysia Belia (WSMB) dan Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP).



YAB TPM menyempurnakan perasmian World Skills ASEAN Kuala Lumpur 2015



Penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 Mohd Tarmizi Abu Hassan

# SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA 2015



SHAH ALAM, 4 November 2015

- Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keupayaan usahawan-usahawan binaan Bumiputera dipertingkatkan dari masa ke semasa, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015.

Matlamat utama adalah untuk melahirkan kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera yang lebih berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Ini selaras dengan Teras ke-4 Program Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) iaitu Memperhebatkan Keusahawanan dan Perniagaan Bumiputera dan perluasan jaringan perniagaan di antara penggiat Bumiputera dalam industri binaan.

PEB adalah Agenda Nasional yang dilancarkan YAB Perdana Menteri Malaysia pada 14 September 2013. Turut dilancarkan julung kalinya pada simposium ini adalah Pelancaran ‘Blue Pages’: Direktori Usahawan Bahan Binaan Bumiputera oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara serentak

dengan majlis penutup simposium ini. ‘Blue Pages’ ini bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran usahawan binaan Bumiputera dan bertindak sebagai pemangkin kepada usahawan Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan di dalam industri binaan.



*Pelancaran Blue Pages Direktori Usahawan Bahan Binaan Bumiputera oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara serentak dengan majlis penutup simposium ini*

'Blue Pages' ini mengandungi maklumat 473 usahawan bahan binaan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kerja Raya melalui BPKU. Antara maklumat yang dinyatakan di dalam 'Blue Pages' adalah seperti nama syarikat, alamat, nama Pengarah Urusan, alamat emel, nombor telefon dan senarai produk. 'Blue Pages' ini disasarkan kepada penggiat industri binaan seperti kontraktor, pemaju dan perunding, agensi Kerajaan, 'Government Link Companies' (GLC), Syarikat – syarikat Konsesi Lebuhraya dan Bangunan Persekutuan dan Badan – Badan Profesional Industri Binaan.

Terdahulu, bersempena dengan simposium ini, telah diadakan Malam Pengiktirafan Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT) pada 3 November 2015 yang diadakan bagi memberikan pengiktirafan kepada 22 orang kontraktor gred G7 Bumiputera berprestasi tinggi yang dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk menjalankan sebarang projek kerajaan mahu pun swasta.



Simposium yang diadakan pada 3 dan 4 November 2015 dan bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) ini menyasarkan seramai 1,000 kontraktor

Bumiputera (Gred G1 – G7) dan 50 usahawan bahan binaan Bumiputera dari seluruh negara.



## MALAM PENGIFTIRAFAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERPRESTASI TINGGI (KBBT) SEMPENA SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA 2015



SHAH ALAM, 3 November 2015 - Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menganjurkan Malam Pengiktirafan Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT).

Majlis ini diadakan bagi memberikan pengiktirafan kepada 22 orang kontraktor gred G7 Bumiputera berprestasi tinggi yang dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk menjalankan sebarang projek kerajaan mahu pun swasta.

Selain itu penganjuran majlis ini adalah bertujuan menyediakan pangkalan data senarai Kontraktor Bumiputera untuk rujukan, mengenalpasti kontraktor Bumiputera tulen yang kompeten dan berprestasi tinggi dari segi pengurusan, kewangan dan teknikal, meningkatkan bilangan kontraktor Bumiputera yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan, meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam sektor pembinaan dan mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan akibat projek sakit/mansuh.

Kumpulan sasar untuk pengiktirafan KBBT adalah kontraktor bumiputera gred G2 hingga G7,

berdaftar dengan CIDB dan BPKU melebihi 5 tahun serta memperolehi score CIDB sekurang-kurangnya 3 bintang.

Penilaian dilakukan mengikut Negeri menggunakan Borang Penilaian KBBT. Seterusnya proses inspektorat Pengurusan Projek dilakukan ke atas syarikat tercalon sebelum Pengesyoran dan Laporan dibawa ke Jawatankuasa Induk Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (JKIKBBT) untuk penilaian akhir dan diangkat kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) untuk penganugerahan KBBT.

Anugerah pada malam ini disampaikan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya. Majlis ini diadakan bersempena program Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015.

Simposium yang diadakan pada 3 dan 4 November 2015 dan bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) ini menyasarkan seramai 1,000 kontraktor Bumiputera (Gred G1 – G7) dan 50 usahawan bahan binaan Bumiputera dari seluruh negara.



Kontraktor Bumiputera berprestasi tinggi yang dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk menjalankan sebarang projek kerajaan mahu pun swasta.

# TINJAUAN KEJADIAN BANJIR LUMPUR DI KM52.4 LEBUHRAYA KL - KARAK



BENTONG, 12 November 2015 – Satu kejadian banjir lumpur telah berlaku pada petang 11 November 2015 di KM52.4 Lebuhraya KL-Karak dan telah menjelaskan laluan sepanjang 2 kilometer dan terpaksa ditutup. Sehubungan itu satu lawatan turun padang oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya telah diadakan hari ini.

YB Menteri Kerja Raya turut diberi penerangan berhubung kerja-kerja pembersihan yang dilakukan oleh ANIH Berhad. Terdahulu beliau membuat tinjauan udara kawasan kejadian dengan menggunakan helikopter.

Lawatan kerja tersebut turut dihadiri pihak media bagi melihat sendiri situasi sebenar yang berlaku seterusnya membetulkan persepsi orang ramai berhubung kejadian tersebut yang telah tersebar atau viral di media sosial. Sidang media berhubung kejadian telah diadakan di tapak lapangan.

Disebabkan kejadian tersebut, pihak Kementerian Kerja Raya mengeluarkan satu kenyataan media bagi memaklumkan penutupan Lebuhraya

KL-Karak dan menasihati orang ramai supaya menggunakan jalan alternatif. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pakar cerun dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, banjir lumpur biasanya berlaku di kawasan tadahan yang agak besar dan pencetusnya ialah hujan lebat yang telah mencairkan tanah kemudian mengalir turun ke lebuhraya.



*Lokasi runtuhannya kedua di kuartier kakitangan Jabatan Perhutanan Lintang*



*Kerja-kerja pembaikpulihan jalan dijalankan serta-merta*

# RM330 JUTA UNTUK NAIKTARAF JALAN FT23 TANGKAK – SEGAMAT (PAKEJ 1B DAN 2)



SEGAMAT, 15 November 2015 - Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti Jalan Persekutuan FT23 menghubungkan Bandar Muar, Tangkak dan Segamat serta pekan-pekan kecil seperti Jementah, Sagil dan lain-lain untuk dinaiktaraf dibawah RMK10. Sehubungan itu, sebanyak RM330juta telah diperuntukkan dibawah RMK10 untuk pakej 1B dan Pakej 2 yang bermula dari pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Segamat sehingga pekan Jementah melibatkan kerja-kerja melebarkan jalan daripada dua kepada empat lorong.

Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Fadillah Yusof sewaktu melakukan tinjauan berkata, pakej 1B dan pakej 2 projek menaik taraf yang melibatkan jarak 21.9 kilometer (km) kini 98 peratus siap.

Terdapat tujuh pakej untuk keseluruhan projek ini dan peruntukan sedang dimohon untuk baki lima pakej bagi pelaksanaan jajaran berjumlah 63.7 km ini.

Turut hadir sewaktu tinjauan ialah Ahli Parlimen Sekijang, Anuar Abdul Manap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemelah, Datuk Ayub Rahmat, Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ir. Adanan Mohamed Hussain dan Pengarah Kerja Raya negeri Johor, Ir. Asri Arjan.

Penaiktarafan jalan ini kelak akan dapat mengurangkan masa perjalanan, mengelakkan dari terputus hubungan

semasa musim banjir dan memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna. Selain itu ia bakal menjadi pemangkin kemajuan ekonomi bagi Johor Utara terutama di Daerah Muar, Ledang dan Segamat.



# MENTERI KERJA RAYA MENILAI TAHAP KESELAMATAN LPT2



PERASING, 28 Oktober 2015 – Bagi menilai keadaan permukaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) secara lebih dekat, YB Dato'Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya telah mengadakan lawatan kerja untuk menilai sendiri jajaran LPT2 bermula hentian rehat dan rawat Perasing hingga ke persimpangan Chukai, Terengganu menggunakan jentera pengimbas permukaan jalan syarikat IKRAM.

Pihak media turut dibawa bersama dalam lawatan ini bagi mendapatkan gambaran sebenar seterusnya memperbetulkan persepsi rakyat terhadap tahap keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya tersebut ekoran laporan statistik kemalangan yang tinggi sejak pembukaannya.

Satu sesi sidang media turut diadakan di akhir lawatan oleh pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), pasukan projek LPT2 dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menerangkan punca-

punca kemalangan yang berlaku serta langkah-langkah mitigasi dan proaktif yang telah dan sedang diambil bagi menangani punca kemalangan tersebut.

Berdasarkan kepada analisa statistik kemalangan di LPT2 bermula tarikh 1 Februari 2015 hingga 25 Oktober 2015, didapati punca utama kemalangan di LPT2 adalah faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju terutamanya di waktu hujan, cuih serta gagal mematuhi arahan keselamatan yang telah ditetapkan.

Menurut laporan statistik juga, sebanyak 717 kemalangan berlaku di jajaran LPT2 bermula dari Jabor hingga Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu antara 1 Februari 2015 hingga 25 Oktober 2015. Daripada jumlah itu,

77 peratus (551 kemalangan) berpunca daripada faktor manusia.

Faktor persekitaran pula sebanyak 14 peratus (99 kemalangan) yang melibatkan pencerobohan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta haiwan liar ke dalam rezab lebuhraya serta terdapat lokasi air bertakung. Selebihnya sebanyak 9 peratus (67 kemalangan) adalah faktor kenderaan.

Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor hingga Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu pada tahun 2006 telah siap secara berperingkat dimana ia dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Jajaran LPT2 ini merupakan kesinambungan jajaran lebuhraya LPT1 bermula dari Karak hingga Jabor.

# CIDB RAIKAN ULANG TAHUN KE-20

PUTRAJAYA, 20 November 2015: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hari ini meraikan ulang tahun ke 20, selepas ditubuhkan pada tahun 1995 untuk memberi kepimpinan yang efektif dan memperkuatkan industri pembinaan melalui pendaftaran kontraktor dan tenaga mahir, dan menyediakan latihan peningkatan kemahiran.

Menteri Kerja Raya YB Dato' Sri Fadillah Bin Yusof telah menyampaikan ucptama pada jamuan yang berlangsung di Putrajaya Marriott dan dalam ucapannya beliau menyingkap penubuhan CIDB dengan menyatakan pada 7 Julai 1994 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Akta 520 telah diluluskan di Parlimen dan CIDB



ditubuhkan bagi menyelia industri pembinaan negara dan kontraktor yang menjalankan projek-projek swasta. Pada majlis makan malam meraikan ulang tahun tersebut, seramai 65 pemimpin industri telah menerima Anugerah Fellowship atas peranan besar dan sumbangan mereka dalam membangunkan industri pembinaan dan kepada negara.

Majlis tersebut dilengkapi dengan pelancaran buku coffee table bertajuk *Leading Construction Transformation* bagi memperingati sejarah dan pencapaian CIDB. Turut diraikan ialah lapan petugas CIDB yang menerima anugerah khidmat 20 tahun manakala 12 lagi menerima penghargaan untuk khidmat selama 15 dan 10 tahun.

Secara umumnya, industri pembinaan Malaysia dijangka menyumbang kira-kira 5.5 peratus atau RM36.3 bilion kepada ekonomi negara serta berpotensi memberi peluang pekerjaan dianggarkan sebanyak 9.5 peratus daripada tenaga kerja negara.

## CIDB FELLOWSHIP AWARDS



Seramai 65 pemimpin industri telah menerima Anugerah Fellowship atas peranan besar dan sumbangan mereka dalam membangunkan industri pembinaan dan kepada negara.



Turut diraikan ialah lapan petugas CIDB yang menerima anugerah khidmat 20 tahun



# PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) PERINGKAT AKHIR TAHUN 2015

JOHOR BAHRU, 5 Oktober 2015

- Kementerian Kerja Raya (KKR) mengadakan Pertandingan Kemahiran Malaysia yang juga kini dikenali sebagai Worldskills Malaysia Belia (WSMB) ke-43 peringkat akhir dari 2 hingga 6 Oktober 2015 di Akademi Binaan Malaysia (ABM), Wilayah Selatan Johor. Majlis Penutup Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof Menteri Kerja Raya hari ini.

WSMB merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul dan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) selain bertindak sebagai platform untuk meningkatkan



kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Pertandingan ini melibatkan sembilan bidang kemahiran sedia ada iaitu bidang welding, electrical installations, plumbing & heating, bricklaying, painting & decorating, joinery, wall & floor tiling, refrigeration & air conditioning dan mechanical engineering design. Tiga bidang kemahiran tambahan turut dipertandingkan iaitu scaffolding erection, mobile crane operation dan rooftruss installation yang merupakan

bidang yang amat berpotensi dalam industri pembinaan.

Pertandingan ini menarik seramai 1000 orang penggiat industri pembinaan seperti pembekal bahan guna habis, peserta pertandingan, para jurulatih, pakar-pakar bidang dan institusi latihan kemahiran bertujuan untuk berkongsi idea dan memperkenalkan teknologi baru dalam pembinaan bagi peningkatan kecekapan produktiviti industri pembinaan melibatkan bidang yang dipertandingkan.



Tinjauan pada salah sebuah tapak pertandingan



Sesi fotografi YB Menteri Kerja Raya dan juga para tetamu kehormat

## HARI INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2015

KUALA LUMPUR, 29 Oktober 2015 - Bagi tahun 2015, sebanyak 5 anugerah dipertandingkan bersempena Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2015. Anugerah tersebut adalah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah diadakan pada 27 Oktober 2015 lalu. Anugerah ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal.

Manakala anugerah-anugerah lain yang telah dipertandingkan adalah seperti Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat dan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek. Johan KIK Kategori Pengurusan dimenangi oleh kumpulan PRISMA daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah manakala johan kategori teknikal pula ialah kumpulan INSPIRA daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Bagi Anugerah Inovasi ICT, ia disandang Bahagian Teknologi Maklumat, JKR Malaysia, Anugerah Inovasi Pengurusan




Kewangan dan Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat dimenangi Unit Audit Dalam, KKR, manakala Anugerah Inovasi Pengurusan Projek dimenangi oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, JKR Malaysia.

Tema Hari Inovasi KKR pada tahun ini adalah 'Inovasi Memacu Produktiviti'. Pelbagai program inovasi diadakan bagi melahirkan idea-idea inovatif dan kreatif di kalangan warga Kementerian Kerja Raya. Bersempena dengan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2015, empat program inovasi telah diaturkan

iaitu Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Pameran Inovasi, Ceramah Inovasi dan Anugerah Inovasi.

Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya telah diadakan sejak tahun 2010 bagi menggantikan Hari Kualiti yang telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1987. Hari Inovasi diadakan pada setiap tahun selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berdasarkan inovasi dan kreativiti.



# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KEMENTERIAN KERJA RAYA 2015

KUALA LUMPUR, 27 Oktober 2015 - Sebanyak empat kumpulan bertanding mempamerkan cetusan kreativiti dan inovasi pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya (KKR) tahun ini di mana 1 dari Kategori Teknikal dan 3 dari Kategori Pengurusan.

Kumpulan tersebut adalah INSPIRA daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk kategori Teknikal, manakala bagi kategori Pengurusan pula kumpulan PRISMA daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah, kumpulan PRO-OPS dan kumpulan SUKSES daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Kriteria penilaian bagi kedua-dua kategori anugerah ini dinilai dari aspek penilaian projek KIK melalui dokumentasi, penilaian persembahan projek KIK dan penilaian pameran projek KIK.



Perasmian konvensyen ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bertempat di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya (KKR) mula dilaksanakan pada tahun 2010 selaras dengan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 1 November 2009. Konvensyen ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjenamaan semula terhadap Pertandingan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) yang telah



*Ucap tama oleh KSU KKR*

diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1991.

Program ini bertujuan mengiktiraf anggota organisasi sebagai sumber paling bernilai dengan menyediakan forum kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan seterusnya melaksanakan tindakan yang diputuskan secara berpasukan. Konvensyen ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Peningkatan Kualiti dan Inovasi Tahunan KKR.

Konvensyen KIK KKR dilaksanakan sebagai salah satu program di bawah Minggu Inovasi KKR 2015 dan para pemenang akan diraikan pada Hari Inovasi KKR yang turut dirangka sebagai pengisian minggu inovasi ini.



*Barisan peserta dan juga para tetamu majlis perasmian KIK KKR*

# MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA MELAHIR TENAGA MAHIR

KUALA LUMPUR, 24 November 2015

- Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia Gabungan Wilayah Tengah, Timur, Utara dan Selatan tahun 2015 telah diadakan penuh gemilang di Pusat Dagangan Dunia Putra bagi meraikan 309 orang graduan. Mereka menerima Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) masing-masing dalam 11 bidang kemahiran dan merupakan graduan daripada Program Belia, Personel dan customised. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya yang turut menyampaikan ucaptama perasmian majlis yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM). Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dikenalpasti sebagai salah satu teras utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dalam usaha negara mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).



Justeru, usaha Kementerian ini melahirkan tenaga mahir pembinaan ini melalui Akademi Binaan Malaysia selaras dengan dasar Kerajaan iaitu menghasilkan para graduan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Untuk memastikan graduan ABM kekal relevan di dalam industri pembinaan, silibus atau kaedah latihan telah ditambah baik dengan mekanisma baru latihan melalui penggunaan teknologi simulator dalam bidang kimpalan atau welding dan pemanduan jentera berat atau plant operation.

Selain itu, beberapa kursus terbaru turut diwujudkan bagi memenuhi kehendak pasaran seperti Program Habitat Technician dan Mechanical Fitter yang berkaitan dengan industri petroleum

dan gas manakala program Solar Panel Installation untuk meningkatkan kecekapan penyedia perkhidmatan solar PV tempatan. Kesemua standard program ini dibangunkan dengan kerjasama pihak industri seperti PETRONAS, INSTEP dan SEDA bagi memastikan ia menepati keperluan dan kehendak industri berkenaan.

Akademi Binaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1997 memainkan peranan penting di dalam mengeluarkan pekerja mahir tempatan untuk berkhidmat dalam sektor pembinaan negara. Sejak daripada awal penubuhannya sehingga kini, jumlah pelatih yang telah dilahirkan oleh ABM mencapai 270,011 orang daripada Program Belia dan Personel.



Ramah mesra YB Menteri Kerja Raya bersama ahli keluarga pelajar cemerlang ABM



YB Menteri Kerja Raya menyempurnakan gimik perasmian program baru ABM

# MERAI PEMAJU DAN KONTRAKTOR BERKUALITI MELALUI ANUGERAH QLASSIC

KUALA LUMPUR, 30 November 2015 – Pemain industri pembinaan yang terdiri daripada syarikat kontraktor, pembangunan harta tanah dan perancang bandar yang mempamerkan prestasi unggul sepanjang tahun 2014 telah dirai dalam satu majlis khas iaitu Hari QLASSIC anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Majlis yang berlangsung di Hotel Royale Chulan ini menampilkan tiga anugerah kecemerlangan Quality Assessment System in Construction atau QLASSIC iaitu High QLASSIC, untuk syarikat yang memperolehi markah 80 dan



ke atas, Best QLASSIC, untuk syarikat terbaik kategori kediaman dan bukan kediaman serta anugerah Penghargaan Khas kepada satu syarikat pemaju, satu syarikat kontraktor dan satu agensi kerajaan.

Kesemua anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan terdahulu, dalam ucapan perasmianya beliau

berkata penganugerahan QLASSIC ini merupakan tanda penghargaan di atas komitmen dan dedikasi berkualiti para pemain industri binaan dan pembudayaannya adalah perlu sejahtera dengan teras strategik pertama Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 - 2020 yang baharu dilancarkan Perdana Menteri pada bulan November lepas.

## LAWATAN KSU KE TAPAK KONSEP MLFF

KUALA LUMPUR, 3 Disember 2015 – YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya telah mengadakan lawatan kerja ke tapak konsep Sistem Aliran Tol Tanpa Henti atau Multi Lane Free Flow (MLFF) di Taman Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Sepanjang program tersebut, Dato' Sri KSU telah dibawa melawat ke tapak gantri serta diberi taklimat berhubung simulasi pelaksanaan MLFF ini oleh pihak Quatriz System Sdn. Bhd.

Konsep MLFF merupakan hasil pelaburan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berjumlah RM19.59 juta dan



Dato' Sri KSU telah dibawa melawat ke tapak gantri serta diberi taklimat berhubung simulasi pelaksanaan MLFF ini oleh pihak Quatriz System Sdn. Bhd.

dijangka dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2018.

Inisiatif terbabit telah diselaraskan oleh Taman Technology Park Malaysia Sdn. Bhd. (TPM) dan dibangunkan dengan kerjasama Quatriz System Sdn. Bhd., Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan Mitsubishi Heavy Industries, Jepun sejak 2013.

Sistem teknologi terkini tersebut menawarkan kaedah penyelesaian yang terbaik kepada masalah kesesakan lalu lintas terutamanya ketika waktu puncak di plaza-plaza tol serta menggantikan plaza tol konvensional melalui pembayaran fleksibel dan pelepas pantas melalui gantri elektronik.

## KONVENSYEN ANTARABANGSA UKUR BAHAN (QSIC) 2015

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2015 - Konvensyen Antarabangsa Ukur Bahan (QSIC) 2015 telah diadakan pada 20 hingga 21 Oktober 2015 bertempat di Hotel Everly Putrajaya dan telah berjaya menghimpuun Jurukur bahan daripada dalam dan luar negara.

Program anjuran bersama Pusat Pengajian Ukur Bahan, UiTM Shah Alam, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) ini diadakan bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman bersama tokoh ukur bahan dan pemain industri binaan dalam memperkasakan bidang ini untuk pergi lebih jauh merentasi sempadan di masa hadapan. Ini bersesuaian dengan tema konvensyen ini, "Empowering the Profession Beyond Frontiers".

Turut diadakan pada majlis tersebut adalah upacara memeterai memorandum persefahaman (MoU)



antara LJBM yang diwakili YBhg. Dato' Sr Abdull Manaf Bin Haji Hashim, Presiden LJBM dan UiTM yang dimeterai oleh YBhg Tan Sri Dato'Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM serta disaksikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof. MoU ini bertujuan memperkuuhkan jalinan berterusan profesionalisme siswazah bidang ukur bahan bersama pihak Lembaga.

## PERSIDANGAN CIRAC KE-4 DAN PELANCARAN GARIS PANDUAN PEMBINAAN DI ATAS TANAH GAMBUT DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Oktober 2015 - CIDB Malaysia dan International Council for Research and Innovation in Building and Construction (CIB) dengan sokongan Kementerian Kerja Raya Malaysia telah menganjurkan Persidangan antarabangsa kali ke-4, Construction Industry Research Achievement International Conference (4th CIRAC 2015).

4th CIRAC 2015 merupakan persidangan yang dianjurkan setiap dua tahun sekali dan persidangan pada kali ini bertemakan 'Global Sustainable Construction Beyond 2020' memberi fokus kepada tajuk pembinaan hijau dan kelestarian, perumahan mampu milik, bahan binaan inovatif, Building Information Modeling (BIM) dan juga Mechanisation, Modernisation, Industrialisation (MMI).



Melalui persidangan ini, teras strategi yang terkandung di dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP 2016-2020) telah dibincangkan dengan penglibatan pakar antarabangsa menerusi usahasama penyelidikan Construction Research Institute of Malaysia (CREAM).

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof telah merasmikan persidangan ini. Turut dilancarkan pada majlis sama ialah Garis Panduan Pembinaan di atas Tanah Gambut di Malaysia yang dihasilkan oleh CREAM/CIDB.

Garis panduan ini dihasilkan melalui pembentukan Jawatankuasa Kerja Teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar geoteknikal dan profesional tempatan. Ia bakal menjadi panduan terbaik dengan mengambil kira kos pembinaan yang efektif, kaedah rawatan yang optimum bagi tanah gambut. Antara pihak yang bakal mendapat manfaat penghasilan garis panduan ini ialah Kerajaan, jurutera perunding dan kontraktor bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang sedang berjalan.

## SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KKR 2015

KUALA LUMPUR, 1 Disember 2015 - Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya 2015 telah diadakan bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid sebagai mencerminkan iltizam KKR untuk terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Majlis yang dianjurkan pihak Kementerian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya diikuti ceramah oleh Tokoh Bahasa, Puan Ratna Inzab Mohd Asri.

Tahun 2015 merupakan tahun kedua KKR terlibat dalam pelaksanaan Bahasa Kebangsaan. KKR diletakkan di bawah Sektor Kerja Raya, Jawatankuasa Kecil



Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang ditubuhkan oleh kerajaan pada 30 November 2010 dan berperanan memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam pelaksanaan dan pengurusan projek dan tadbir urus kementerian.

Berbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 yang melibatkan kursus-kursus di KKR serta pelaksanaan program "Eksplorasi Bahasa Budaya Bangsa" yang melibatkan seramai 40 orang yang terdiri daripada warga KKR dan JKR pada 16 dan 17 Oktober 2015.

Jabatan Kerja Raya (JKR) pula telah melaksanakan Bengkel Apresiasi Puisi bersama dengan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin yang telah berlangsung pada 10 dan 11 September 2015. Manakala Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pula telah menganjurkan program memartabatkan Bahasa Kebangsaan peringkat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada 16 Oktober 2015 dengan aktiviti seperti pertandingan pantun, sajak, pidato dan lagu puisi.

## EKSPLORASI 'BAHASA BUDAYA BANGSA' KKR 2015

KUALA LUMPUR, 16 Oktober 2015 – Menyedari akan kepentingan menyemai dan menyemarakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah menganjurkan Kursus Eksplorasi 'Bahasa Budaya Bangsa'.

Peserta kursus eksplorasi Bahasa ini dibahagikan kepada empat kumpulan dan mereka ditugaskan untuk menyemak penggunaan tatabahasa di papan tanda jalan di sepanjang laluan kembara iaitu Jalan Persekutuan daripada Kuala Lumpur menuju ke Melaka. Peserta turut berpeluang untuk melawat Teratak Zaaba di Negeri Sembilan bagi mempelajari sejarah perkembangan Bahasa Melayu di negara ini.



Hasil penemuan semua kumpulan telah dibentangkan untuk dinilai panel dilantik urusetia kursus. Terdahulu, acara pelepasan peserta telah diadakan di perkarangan Lobi Blok A, Kompleks Kerja Raya oleh YBrs. Tuan Haji Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kerja Raya.



Acara pelepasan Kembara Bahasa KKR bermula

## HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KKR 2015

KUALA LUMPUR, 10 Oktober 2015 – Selaras dengan penganjuran Hari Sukan Negara di seluruh Negara, Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama agensi telah menganjurkan Hari Sukan Negara peringkat KKR 2015 bertempat di Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Cheras.

Pelbagai acara yang berkait rapat dengan gaya hidup sihat telah diatur pihak pengajur antaranya, senamrobik, explorace, aktiviti sukan (indoor games), peraduan untuk kanak-kanak disamping cabutan hadiah bertuah kepada semua pengunjung yang hadir.

Dengan bertemakan “Jom Turun Padang”, acara ini telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato’ Sri Fadillah Haji Yusof dan turut dihadiri pengurusan tertinggi Kementerian, Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin bersama keluarga masing-masing.



## HARI INTEGRITI KEMENTERIAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR, 25 November 2015

- Sejak tahun 2005, Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat.

Justeru itu, buat julung kalinya Unit Integriti Kementerian Kerja Raya telah menganjurkan Hari Integriti Kementerian Kerja Raya bertemakan "Amanah Tonggak Integriti" dan Wacana Ilmu berbentuk forum dengan tajuk yang sama. Hari Integriti ini dianjurkan dengan tujuan memupuk kesedaran di kalangan anggota di Kementerian



dan Agensi-agensi lain di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti.

Sebagai usaha ke arah mewujudkan warga yang berintegriti, Kementerian turut mengambil inisiatif dengan melancarkan program Rakan Integriti yang dilancarkan oleh YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya. Program ini adalah untuk mewujudkan

jaringan kerjasama di antara Unit Integriti dengan Rakan Integriti bagi membangunkan warga KKR yang berkualiti unggul.

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah pembacaan Ikran Integriti Perkhidmatan Awam yang diketuai YBrs. Tuan Haji Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kerja Raya.

## PETUGAS BGB DAN PENERIMA PPC KKR 2015 DIRAI

KUALA LUMPUR, 20 November 2015 - Peranan dan usaha pasukan Bilik Gerakan Bencana (BGB) yang berpusat di Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia terus dihargai dan diiktiraf pihak pengurusan atasan Kementerian Kerja Raya (KKR) apabila mereka diraikan dalam satu majlis bersempena Perhimpunan Bulanan KKR.

Pasukan BGB ini telah berperanan sebagai pusat penyaluran maklumat kepada orang awam sewaktu bencana banjir dan kejadian tanah runtuh yang melanda negara bermula November



2014 hingga Februari 2015 yang lalu dan telah beroperasi selama 24 jam sehari dengan keanggotaan mencapai 200 orang kakitangan.

Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya

yang turut menyampaikan ucapan mewakili Menteri Kerja Raya.

Dalam majlis itu juga, turut disampaikan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) kepada dua orang penerima yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Penerima PPC Tahun 2015 ialah Encik Ir. Haji Ismail bin Abd Rahman, dari Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, JKR dan Encik Khairul Walid bin Mohamed dari Pejabat Menteri Kerja Raya. Para penerima menerima pingat, sijil simpanan premium bernilai RM1000 dan sijil penghargaan.

# Media bantu salur berita kepada rakyat



Fadillah (dua dari kanan) bergambar bersama Wan Noor Hayati (dua dari kiri), Sri Yu (kanan) dan Rofiz pada majlis Anugerah Penghargaan Media Lembaga Pembangunan Industri Pembinan (CIDB) di Kuala Lumpur, semalam.

» Wartawan BH menang Anugerah Pembinaan-Media Cetak (Berita dan Rencana)

Oleh Akmal S Manaf

akmal.syazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Media mempunyai peranan besar dan penting dalam mat tepat berkaitan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Ra-

ya kepada rakyat. Menerusi Januk Seri Fadillah Yusof, berketika pada masa ini, media banyak membantu kementerian dari segi menyuarakan berita berkaitan dengan masyarakat.

Lapor perkembangan terkini projek kementerian Katanya, menerusi hebatan berita oleh media secara

Concessionaires may be penalised for poor road maintenance

**KUALA LUMPUR:** Road concessionaires who failed to carry out maintenance works, especially on federal roads, could be penalised, said Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

"All state and district Public Works Department offices will monitor road concessionaires on roads that are not maintained."

"According to the agreement, they will be paid for the maintenance work but will be penalised if they fail to do so," he said, here, on Saturday.

The maintenance of federal roads is contracted to nine concession companies, comprising three each in the peninsula, Sabah and Sarawak.

Fadillah said there were people who had assumed that all roads in the country were federal roads under the supervision of his ministry.

"The ministry is responsible for

maintaining federal roads, parts of industrial roads and field roads, while state roads and council roads are under the purview of the government."

The Federal Government has allocated fund to the state governments through the Malaysian Road Records Information System for the purpose of road maintenance."

He encouraged members of the public to lodge complaints on damaged roads to the ministry through its mobile app "Aduan Jalan KKR".

Fadillah earlier launched the ministry's annual National Sports Day celeberrations.

Present was Deputy Works Minister Datuk Rosnah Abdul Rashid.

Various activities were held in conjunction with the inaugural Na-

tional Sports Day such as zumba dance, golf and netball tournaments

as well as a drawing competition for children. Bernews



Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof says the Federal Government has a mandate to maintain roads. Pic by Zulfadli Zulkifli



Jainin

@jainin32

#Borneokita : Tahniah @MOWorks ranking ke-4(95.14%) kementerian capai prestasi urus kewangan terbaik 2014 @PetraJayaMP @ZohariAkob

Translate Tweet

1:38pm · 24 Nov 2015 · Twitter Web Client



Pak Tarm

@paktarm

kagum sikap low profile pengurusan tertinggi @MOWorks + agensi - terjemahan terbaik maksud Kerajaan mesra Rakyat - Tahniah! @PetraJayaMP

Translate Tweet

4:25am · 31 Oct 2015 · Twitter for iPhone



Mohd Wira

@mohdwira64

@saraniidollah @ZulAzharCha @LLMKP @PetraJayaMP @ZohariAkob terima kasih semoga kkr terus komited dlm memberi prkhdmtn yg terbaik utk rakyat

Translate Tweet

2:14 PM · 21 Oct 2015 · Twitter for iPhone



Mohd Wira

@mohdwira64

@JKRSelangor tahniah dan terima kasih.hrp byk lagi jab kerajaan dpt ikut jejak kkr dlm memberi prkhdmtn yg terbaik kpd rakyat.tuan2 hebat

Translate Tweet

4:56pm · 11 Nov 2015 · Twitter for Android



7d

KKR Malaysia @MOWorks Tahniah @MOWorks kerana mencapai tahap sangat baik prestasi urus kewangan tahun 2014 @PetraJayaMP pic.twitter.com/f7M4YFEYR

Details



Pak Tarm

@paktarm

Tahniah @MOWorks - kejayaan ini sudah pasti atas kerjasama semua pihak dan anda mendapat ketua Terbaik -> @PetraJayaMP



Semut Hitam

@semuthitam80

Terbaik YBM @PetraJayaMP

Translate Tweet

Irma Emilia @lirma\_Emy Salute YB @PetraJayaMP sanggup naik ke cerun utk lihat keadaan aliran lumpur. Demi Rakyat pic.twitter.com/6EGWQVHeTl



6:25pm · 12 Nov 2015 · Twitter Web Client



Irma Emilia

@lirma\_Emy

@JKRPAHANG @JKRMalaysia @MOWorks @RakanKKR @PetraJayaMP syabas guys. Kami disini lega melihat tindakan pantas team JKR termasuk YB menteri

Translate Tweet

5:33pm · 12 Nov 2015 · Twitter for Android



7d

Tahniah @MOWorks - kejayaan ini sudah pasti atas kerjasama semua pihak dan anda mendapat ketua Terbaik -> @PetraJayaMP

Thumb up



JKR Terengganu

@JKRTerengganu

Retweeted KKR Malaysia (@MOWorks):

Tahniah @MOWorks ranking ke-4(95.14%) kementerian capai prestasi urus... fb.me/6SHL2Fmcc

Translate Tweet

11:20am · 24 Nov 2015 · Facebook

Daftar dengan CIDB sebelum 1 Januari 2016

Metro 14110 Pg. 44



MEGAT KAMIL AZMI



Fadillah (dua dari kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Dasar dan R&D

## 47 rumah kekal mangsa banjir sudah siap

11/10/15 pg 24

**TAHUN MELAH 10 Okt.** - Keseluruhan 57 buah rumah kekal yang dianiaya oleh Kerajaan Putus kepada mangsa banjir penghujung tahun lalu di seluruh negara ini akan siap sepenuhnya pada akhir Disember.

“Matlamat akhirnya berharap pengguna rumah mereka akan siap untuk menghadiri hadiah tempat kerja dan ketiga, masing-masing bersempena tarikh bertajuk Bantuan Tahap Kritis (BT) ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada sebahagian rumah mangsa banjir yang dibina oleh Majlis Perwakilan Kuncir Rumah Pasca Banjir (Bina Baharu) kepada 25 penerima di Kampung Jelatok, Tanah Merah, Kelantan.

Dalam pada itu, Ikmal Hisham

berkata, sebanyak 60 peratus daripada 3,000 buah rumah yang perlu dibina akhirnya malapetaka tersebut tidak siap.

“Panah Merah adalah daerah yang teruk dilanda banjir di mana sebanyak 75 peratus Kawasanaya ditenggelam air,” katanya.

“Walau bagaimanapun, keseluruhan rumah kekal ini akan siap sehingga hujung bulan ini dan mangsa akibat banjir juga akan mendapat minuman lengkap tiba,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada sebahagian rumah mangsa banjir yang dibina oleh Majlis Perwakilan Kuncir Rumah Pasca Banjir (Bina Baharu) kepada 25 penerima di Kampung Jelatok di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ikmal Hisham

berkata ini membuktikan keperluan untuk berusaha terhadap kebajikan calon di negara ini.

“Terima kasih dicucapkan kepada Kerajaan Putus yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Persekutuan Belia dan Sukan, Datuk Seri Mustapa Mohamed di atas usaha yang diberikan dalam membantu mangsa banjir di Tanah Merah khair,” katanya.

“Sekarang ini, kita agensi pelaksana iaitu JKRR dan Ikmal yang turut membantu dalam proses pembinaan rumah kekal ini,” katanya.



IKMAL HISHAM ABD. AZIZ (semar dari kanan) bersama penerima kunci rumah selepas Majlis Perwakilan Kuncir Rumah Pasca Banjir (Bina Baharu) kepada 25 penerima di Kampung Jelatok, Tanah Merah, Kelantan, semalam.



FOLLOW US ON  
twitter